

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
*DENGAN KERJASAMA*  
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002**

**TINGKATAN EMPAT**

**SKIMA**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

## **Skema Rumusan**

### **Pendahuluan**

Petikan memperkatakan kesan penyalahgunaan dadah di tempat kerja dan langkah mengatasinya.

### **Isi Tersurat**

1. Pekerja yang menagih dadah akan datang bertugas sesuka hati.
2. Kemalangan di tempat kerja akan berlaku disebabkan mereka tidak bertanggungjawab.
3. Mereka sanggup mencuri harta benda milik syarikat tempat mereka bekerja.
4. Majikan mengeluarkan wang yang banyak untuk membiayai rawatan mereka.
5. Tindakan penagih akan menjadi ikutan pekerja yang lain.
6. Para pekerja akan berasa kurang senang / kurang selamat.
7. Imej syarikat / kakitangan syarikat akan terjejas.

### **Isi Tersirat**

1. Syarikat sukar berkembang / produktiviti syarikat tidak meningkat. (SU1)
2. Kemalangan boleh menjejaskan keselamatan pekerja. (SU2)
3. Kehilangan harta benda syarikat akan menjejaskan operasi syarikat / syarikat akan mengalami kerugian. (SU3)
4. Perbelanjaan syarikat akan bertambah. (SU4)
5. Masalah penagihan dadah akan terus menular / sukar diatasi. (SU5)
6. Pekerja tidak dapat bertugas dengan baik. (SU6)
7. Orang ramai hilang kepercayaan kepada syarikat. (SU7)

### **Kesimpulan**

1. Masalah penyalahgunaan dadah di tempat kerja perlu diatasi agar syarikat (sesebuah organisasi) dapat berkembang dengan baik.

## Skema Soalan 2

(a) i. Menyentuh

- Maksud menjaman
- Memperkatakan sesuatu secara sepintas lalu
- Menyingung / mengganggu perasaan

ii. Menegakkan

- Mencacakkan / mendirikan
- Berpegang teguh pada pendapat
- Meremangkan (bulu roma)

(b) i. memenuhi sepatutnya mematuhi  
menonton sepatutnya menyaksikan

ii. sejak sepatutnya selama  
kaum sepatutnya umat

(c) i. Sebahagian besar berita ..... diperoleh daripada .....

ii. Rosli mengirimi ..... tanda ingatan .....

iii. .... itu memperkatakan sikap ... memperbesar / membesarkan

(d) Liza ingin tahu (nama kedai tempat) / tempat Rawi membeli buku itu.

Rawi menyatakan bahawa dia membelinya di Kedai Buku Rizal.

Liza bertanya kepada Rawi sama ada buku itu masih ada atau sudah habis. Liza menambah bahawa dia ingin membeli buku itu juga.

Rawi memberitahu Liza bahawa kemungkinan buku itu masih ada lalu mengajak Liza ke kedai buku itu dengan segera.

Liza mengesyakannya / bersetuju dan dia mengajak Rawi ke kedai itu pada masa itu juga.

### Soalan 3 : Pemahaman

Markah penuh 35 dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	-	8 markah
Soalan 3(b)	-	10 markah
Soalan 3(c)	-	8 markah
Soalan 3(d)	-	9 markah

Perhatian bagi soalan 3 (a) hingga 3 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna / lengkap
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu tepat / betul, beri separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
4. Kesalahan bahasa dan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah daripada markah keseluruhan yang diperolehi daripada setiap soalan.
5. Jawapan bagi soalan 3(b), 3(c) dan 3 (d) mestilah berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu yang ditetapkan
6. Jawapan dalam bentuk *point* hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap soalan.

#### Soalan 3 (a) : Petikan Umum

(i) **Kepentingan:**

- menimba pengetahuan dan kemahiran baru di luar bilik darjah
- mengasah bakat kepimpinan pelajar
- memupuk sikap berdikari di kalangan pelajar
- merupakan satu kelebihan untuk memasuki IPT

[Maksimum : 3 markah]

(ii) **Kesan negatif:**

- pelajar menghabiskan masa yang terluang dengan perkara-perkara yang sia-sia
- perwatakan pelajar tidak seimbang kerana mengabaikan aspek jasmani dan emosi
- minda / fikiran pelajar tidak cerdas

[Maksimum: 2 markah]

(iii)

- memberikan ganjaran seperti markah kegiatan kokurikulum untuk pengiraan keputusan peperiksaan awam
- menganugerahkan sijil penyertaan, penghargaan, dan kecemerlangan kepada pelajar yang aktif
- mewujudkan gelaran, pangkat, atau panggilan tertentu untuk pelajar yang aktif dalam badan-badan beruniform.

[Maksimum: 3 markah]

### Soalan 3 (b) : Petikan Prosa Moden

(i) Pandangan:

- Pihak Inggeris sangat adil dalam pemerintahan
- Pihak Inggeris telah banyak membawa kemajuan kepada negara dan rakyat

Bukti:

- banyak bandar baru didirikan
- banyak hospital dan sekolah yang dibangunkan
- penduduk telah semakin bertambah
- pembangunan yang dibuat itu telah mengembirakan rakyat

[Maksimum: 4 markah]

(ii) Tidak bersetuju

Bukti:

- perjuangan memerdekakan tanah air merupakan satu perjuangan yang murni dengan kemerdekaan, mereka boleh membuat keputusan sendiri
- mereka tidak perlu bergantung kepada orang lain dan boleh mentadbir sendiri

[Maksimum: 2 markah]

(iii) - watak tersebut merupakan pegawai Melayu yang bekerja dengan penjajah Inggeris

- Perwatakan:  
Sangat mengagungkan Inggeris dan memandang rendah penduduk kampung yang menentang Inggeris.
- Dia bersikap kurang ajar dan tidak menghormati orang lain

[Maksimum : 3 markah]

### Soalan 3 (c) : Petikan Prosa Klasik

- (i)
- membunuh rakyat yang tidak berdosa
  - menawan dan mengusir raja daripada istana
  - berzina dengan dayang-dayang
  - bersukaria di istana
  - menderhaka kepada raja

[Maksimum: 4 markah]

- (ii)
- berpendapat wajar:
  - alasan : Hang Tuah perlu mengutamakan titah perintah raja
  - Hang Jebat telah banyak melakukan kesalahan dan pembunuhan
  - Hang Jebat telah menderhakai raja yang melantiknya sebagai pengganti Hang Tuah

[Maksimum : 4 markah]

**Soalan 3 (d) : Petikan Puisi**

- (i) - hidup manusia semakin sukar / payah  
- kedamaian telah dimusnahkan oleh kekejaman manusia yang mementingkan diri sendiri.  
- Tiada siapa yang mahu bertolak ansur supaya kezaliman dan kedamaian tidak saling bertentangan

*[Maksimum : 3 markah]*

- (ii) - manusia yang sering menabur janji:  
- alasan, mereka yang berjanji tetapi tidak menepati janji yang ditaburkan.  
- manusia yang bercakap lain:  
- alasan, mereka tidak melaksanakan apa yang diucapkan  
- pemimpin yang berjanji kepada rakyat:  
- alasan, pemimpin yang berjanji ini tidak menunaikan janji mereka

*[Maksimum: 3 markah]*

- (iii) - manusia hendaklah bekerjasama mewujudkan perdamaian dan perpaduan  
- manusia mestilah bersedia dan bertolak ansur dalam sesuatu perkara  
- manusia mestilah jujur bukannya bermuka-muka dalam sesuatu perkara  
- manusia perlu mengamalkan ajaran agama untuk menikmati kehidupan yang bahagia

*[Maksimum: 3 markah]*

**Soalan 4: Novel**

**[ 15 markah ]**

**(a) Latar masyarakat.**

1. masyarakat luar bandar/desa
2. mementingkan kebendaan
3. pelbagai suku kaum
4. masyarakat kampus (Akademi Seni Kebangsaan)
5. masyarakat majmuk
6. masyarakat kota

**4 isi – 1 isi 2 markah  
(huraian dan contoh)**

**[ 7 markah ]**

**(b) Nilai-nilai murni.**

1. ketabahan
2. keberanian
3. kasih sayang
4. tolong menolong
5. kegigihan
6. bertanggungjawab
7. mana-mana nilai yang sesuai

**4 isi – 1 isi 2 markah  
(huraian dan contoh)**

**[ 8 markah ]**